

CNS0881

U GB 29-09 00187 BH636

Aab

PM: KEDUDUKAN PBDS TIMBULKAN SERBA SALAH PADA BN

Mahathir - PBDS (Ulangan dengan pembetulan pada nama parti dalam para 1)

SUBANG, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kedudukan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) sebagai anggota komponen Barisan Nasional di peringkat pusat tetapi pembangkang di peringkat negeri telah menimbulkan keadaan serba salah pada BN.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, menyambut baik cadangan supaya perlembagaan BN dipinda bagi menghalang anggota komponennya bertanding antara satu sama lain khususnya pada pilihan raya negeri.

+Cadangan itu memang baik. Perbezaan yang ada sekarang menimbulkan keadaan serba salah pada kita,+ katanya kepada pemberita setibanya beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur selepas lawatan ke Mexico dan menghadiri perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Bagaimanapun, beliau berkata cadangan itu perlu dikaji dengan teliti dan para pemimpin PBDS dengan Kerajaan BN Tiga Sarawak dan BN Pusat perlu membincangkan perkara itu dengan hati yang terbuka.

+Kita harus tahu tentang keadaan dan pendirian sebenar sebelum membuat apa-apa keputusan,+ katanya. -- Lagi

▼29/09/11-55MST

CNS0876

U GB. 29-09 00146 BH633

Aab

Mahathir - PBDS 2 Subang

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba bagi mengelakkan persaingan antara parti komponen BN. \*Parti-parti komponen BN juga dikehendaki hanya menggunakan simbol BN pada pilihan raya.

Encik Ghafar, yang juga Setiausaha Agung BN, berkata beliau akan mengemukakan cadangan itu pada mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional yang dijadualkan pada awal tahun depan.

Presiden PBDS Datuk Leo Moggie, ketika menjelaskan pendirian parti itu dalam BN, dilaporkan berkata bahawa parti itu akan tetap komited kepada pucuk pimpinan BN di bawah Datuk Seri Dr Mahathir.

Datuk Moggie, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata terpujanglah kepada pucuk pimpinan BN jika ia mahu PBDS keluar daripada Barisan.

Ketika menjawab soalan lain mengenai masa depan PBDS dalam BN, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Semuanya mungkin+. -- Lagi

▼29/09/10-42MST

CNS0878

U GB 29-09 00121 BH634

Aab

Mahathir - PBDS 3 Subang

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyatakan rasa gembira dan bangga atas kemenangan BN Tiga yang memenangi 49 kerusi dalam pilihan raya negeri Sarawak semalam. PBDS hanya menang tujuh kerusi.

Katanya, beliau gembira kerana semua calon DAP, yang bertanding di 18 kawasan, tewas.

Perdana Menteri berkata, beliau sememangnya menjangkakan PBDS akan memenangi beberapa kerusi tetapi yakin parti itu tidak akan dapat menubuhkan kerajaan negeri.

Kerajaan Sarawak kini harus menumpukan perhatian terhadap pembangunan negeri setelah mendapat mandat daripada rakyat, tambah beliau.

Yang turut hadir menyambut Perdana Menteri dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali ialah Encik Ghafar dan Menteri-menteri Kabinet.  
-- Lagi

▼29/09/11-07MST

CNS0879

U GB 29-09 00105 BH635

Aab

Mahathir - PBDS 4 (Akhir) Subang

Sementara itu, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, yang turut hadir di lapangan terbang, berpendapat cara PBDS berpolitik mesti dihentikan sebelum keadaan menjadi lebih buruk.

+Politik meletakkan satu kaki di dalam (komponen BN) dan satu kaki di luar mesti dihentikan sekarang sebelum keadaan menjadi lebih buruk,+ kata beliau.

Datuk Mohamed, yang juga Setiausaha Agung UMNO, berkata pendirian PBDS itu tidak sihat kepada BN dan akan menjejaskan kekuatan gabungan parti itu kerana menurutnya, +kita memerlukan satu kerajaan yang kuat yang mendapat sokongan padu khususnya bagi mencapai wawasan 2020+. -- Bernama

▼29/09/11-09MST